

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 OGOS 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Subsidi bersasar langkah tepat, perlu dilaksana

Subsidi bersasar langkah tepat, perlu dilaksana

Langkah kerajaan melaksanakan secara berperingkat pemansuhan sistem subsidi menyeluruh ke arah sistem subsidi bersasar adalah tepat dan perlu dilaksanakan.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour, berkata terdapat konsensus umum mengenai keperluan peralihan kepada subsidi bersasar daripada subsidi menyeluruh.

Beliau berkata, pelaksanaan subsidi bersasar juga membantu kerajaan menangani ketirisan, selain memastikan subsidi disampaikan kepada kumpulan sasaran yang ingin dibantu.

"Namun, sebarang pelarasan kepada subsidi juga harus mengambil kira bahawa terdapat risiko harga tinggi sebagai sebahagian daripada barangan dan perkhidmatan," katanya.

Kerajaan ketika ini sedang membangunkan Pangkalan Data Utama (PADU) yang bakal memudahkan penyaluran subsidi bersasar mengikut kumpulan pendapatan.

PADU akan mengintegrasikan seluruh pangkalan data kerajaan secara berpusat, mengandungi profil maklumat individu dan isi rumah rakyat Malaysia.

Di samping itu, PADU turut merangkumi pemboleh ubah seperti demografi, pendapatan pekerjaan, status, lokasi dan negeri dan rekod lain berkaitan sebagai rujukan sahih bagi pelaksanaan subsidi bersasar.

Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan bahawa PADU akan mengumpul seberapa banyak maklumat sosioekonomi isi rumah, sekali gus membantu kerajaan mengagihkan subsidi dan bantuan dengan lebih berkesan.

Jelas Perdana Menteri, PADU akan menjadi penyelaras data antara agensi sedia ada, termasuk DOSM.

Anwar dilaporkan berkata, PADU akan mengumpul maklumat pada peringkat isi rumah yang meliputi bilangan isi rumah, rekod pendapatan, tanggungan anak mengikut peringkat pendidikan, lokasi dan bilangan kenderaan.

PADU dijangka akan diguna pakai bermula tahun depan.

